



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, November 03, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Nahwan Nur johan Festival Nasyid Kebangsaan 2016



Oleh : Adidi Tamin

MELAKA, 22 Okt – Kumpulan nasyid Universiti Putra Malaysia (UPM), Nahwan Nur dinobatkan johan Kategori Moden pada Festival Nasyid Kebangsaan, baru-baru ini.

Nahwan Nur yang mewakili Negeri Selangor turut memenangi Anugerah Lagu Terbaik menerusi lagu "Dunia Si Kecil" hasil ciptaan alumni UPM, Wan Saleh dan lirik juga ditulis oleh alumni UPM, Muhammad Radzi Mohd Dul.

Sebagai johan, Nahwan Nur menerima wang tunai RM10,000 manakala bagi Lagu Terbaik menerima RM2,000 beserta piala iringan dan sijil.

Pertandingan nasyid itu bagi mengangkat martabat irama nasyid ke peringkat yang lebih tinggi selain memperkukuhkan ukhwh Islamiah sesama insan.

Presiden Kelab Nasyid Nahwan Nur, Muhammad Aliff Rusli berkata kemenangan itu merupakan penghargaan untuk semua terutama kepada senior serta alumni UPM yang tidak putus-putus memberi tunjuk ajar dan nasihat.

"Kemenangan ini sangat membanggakan warga UPM dan sebagai satu lonjakan yang amat baik kepada semua ahli Nahwan Nur untuk terus memberikan yang terbaik pada masa-masa akan datang," katanya.

Sebanyak 11 negeri bertanding bagi Kategori Tradisional dan sembilan negeri bagi Kategori Moden dalam pertandingan itu yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka.

Majlis dihadiri oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob yang menyempurnakan sesi penyampaian hadiah. Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron.

Hadir sama Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Noor Mohamad Shakil Hameed. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 03 Nov 2016

